

ABSTRAK

Fenomena pengangguran yang berlaku di kalangan lepasan institusi pengajian tinggi di negara ini merupakan isu hangat yang sering mendapat perhatian sejak kebelakangan ini. Jumlah golongan ini menunjukkan peningkatan yang ketara terutamanya selepas kemelesetan ekonomi yang dialami negara ekoran krisis kewangan 1997. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bagi melihat trend pengangguran golongan terpelajar ini dalam tempoh lima tahun selepas krisis kewangan 1997, iaitu dari tahun 1998 sehingga 2002 berdasarkan bilangan pendaftar aktif siswazah/profesional yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Manusia. Di samping itu, faktor mempengaruhi pengangguran seperti perkembangan pendidikan tinggi negara, pertumbuhan ekonomi, *mismatch* antara permintaan dan penawaran buruh siswazah serta kelemahan siswazah turut diperbincangkan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan izinNya dapat juga saya menyiapkan kertas penyelidikan ini.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Siti Rohani Yahya selaku penyelia yang banyak membantu, meluangkan masa memberi bimbingan dan pendapat sepanjang penulisan kertas penyelidikan ini.

Tidak lupa juga kepada pegawai dan staf di Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia, khususnya kepada En. Wan Yunus yang banyak memberikan kerjasama dan bantuan dalam memperoleh maklumat dan bahan yang diperlukan.

Kepada kedua ibu bapa, En.Shahidan Ibrahim dan Pn. Rohani Musa yang amat memahami dan banyak memberi dorongan serta semangat sepanjang penulisan ini. Juga tidak ketinggalan teman-teman seperjuangan.

Jasa kalian akan sentiasa dikenang.